

Pakistan, Bangladesh iktiraf Anwar negarawan arena geopolitik

• Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memuji kepemimpinan Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif sebagai 'menguatkan lagi hubungan erat antara Pakistan dan Malaysia', walaupun berdepan detik sukar waktu ini

• Malaysia, negara Islam pertama iktiraf kemerdekaan Bangladesh. Lawatan Anwar mengukuhkan ikatan serta menawarkan galakan dan perkongsian ketika Bangladesh menghadapi cabarannya

Oleh Prof Datuk Dr Mohd Faiz Abdullah
bhrencana@bh.com.my



Pengerusi Institut
Kajian Strategik dan
Antarabangsa Malaysia
(ISIS)

Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Pakistan dan Bangladesh baru sahaja berakhir, menyusul selepas selesai misi diplomatik ke China, Jepun dan Russia sebelum ini. Lawatan Anwar ke Pakistan menjadi lebih bermakna apabila Perdana Menteri menerima penganugerahan ijazah kehormatan dan anugerah tertinggi dari Pakistan.

Sementara itu, jika dilihat kepada angka perdagangan ke Pakistan dan Bangladesh, ia jauh lebih kecil berbanding negara lain. Pada 2023, jumlah perdagangan Malaysia dengan Pakistan bernilai RM7.84 bilion dan dengan Bangladesh RM12.7 bilion. Gabungan jumlah perdagangan ini masih kurang daripada pendapatan bulanan PETRONAS.

Namun, jika hanya memfokuskan kepada angka perdagangan semata-mata, kita akan terlepas pandang gambaran lebih besar. Pakistan dan Bangladesh lebih penting untuk Malaysia daripada disangka.

Kedua-dua negara ini mempunyai potensi besar untuk Malaysia, walaupun dekad, ketidakstabilan politik dan cabaran luaran menghalang negara terbabit merealisasikan janji disepakati sebelum ini.

Pakistan dibelenggu campur tangan tentera berulang, kekacauan politik dan berdepan krisis di Afghanistan. Walaupun begitu, Anwar tetap memuji kepemimpinan Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif sebagai 'menguatkan lagi hubungan erat antara Pakistan dan Malaysia', walaupun berdepan detik sukar waktu ini.

Bangladesh, sebaliknya sudah lama terperangkap dalam persaingan dinasti yang mencetuskan perpecahan dalam masyarakat. Kedua-dua negara bekerja keras untuk keluar daripada masalah membelenggu mereka.

Usaha untuk menangani cabaran mendalam inilah menjadikan lawatan Anwar begitu penting. Selain daripada daya tarikan 'rockstar' dimiliki Anwar, Pakistan dan Bangladesh melihatnya sebagai negarawan utama dalam arena geopolitik serta mencontohi ekonomi Malaysia yang pulih semula sebagai model bagi aspirasi mereka.

Kejayaan Malaysia, yang ditandai dengan pertumbuhan luar biasa dalam sektor semikonduktor dan lonjakan besar dalam pelaburan langsung asing (FDI) berpusat pada teknologi digital, tentunya didorong asas kukuh dan reformasi struktur berani.

Tambahan pula, berdasarkan ucapan Shehbaz dan Perdana Menteri Bangladesh, Dr Muhammad Yunus, perjuangan Anwar menentang rasuah dan kronisme di tanah air bergema kuat dengan mereka.

Selain itu, seperti ditegaskan Anwar pada sidang media bersama, hubungan antara negara ini bukan sahaja berlandaskan kepentingan material, strategik atau sebaliknya, tetapi mencapai ke peringkat kekeluargaan dan peribadi, dibentuk atas kepercayaan serta penghormatan bersama.

Antara aspek paling menonjol mengenai Pakistan dan Bangladesh ialah populasi muda mereka. Di Pakistan, dua pertiga daripada penduduknya adalah berusia bawah 30 tahun dan di Bangladesh, lebih satu perempat daripada 170 juta rakyatnya berumur antara 15 dan 29 tahun.

Walaupun pengangguran belia dan ketidakstabilan sosial menjadi ancaman besar, generasi muda ini mewakili sumber sangat besar dan belum ditrokai. Dengan memanfaatkan tenaga, kreativiti dan keinginan mereka untuk bersama, mereka boleh menjadi pendorong di belakang era baharu pertumbuhan ekonomi untuk kedua-dua negara.

Golongan belia Pakistan sudah memberi kesan global, terutama dalam ekonomi pekerja bebas (freelance). Daripada pembangunan perisian hingga pemasaran digital, rakyat muda Pakistan menjadi antara pembekal bakat pekerja bebas terbesar di dunia.

Pacu pertumbuhan ekonomi masa depan

Di Bangladesh, ceritanya sama. Usahawan muda dalam sektor teknologi dan permulaan (startup) semakin meningkat dengan pesat, meletakkan diri mereka dan negara mereka berjaya dalam ekonomi digital global.

Akan tetapi masih wujud masalah persepsi. Di Malaysia, rakyat Pakistan dan Bangladesh sering dilihat sebagai pekerja asing, buruh bekerja di tapak pembinaan, restoran, ladang dan kilang atau pekerja bergaji rendah menjaga tapak semeaian dan taman.

Malaysia menjadi rumah kepada sebilangan besar pekerja asing dari dua negara ini, dengan kira-kira 450,000 warga Bangladesh tiba di Malaysia sejak Ogos 2022. Walaupun pekerja ini penting untuk ekonomi Malaysia, hubungan antara Malaysia dan kedua-dua negara ini tidak sepatutnya dan tidak boleh terhad kepada buruh asing sahaja.

Malaysia sudah lama bergantung kepada buruh asing, tetapi kini negara beralih kepada mengutamakan buruh berkemahiran teknologi tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi masa depan.

Pakistan dan Bangladesh adalah pasaran menjanjikan untuk Malaysia dalam sektor seperti minyak sawit, produk halal dan kewangan Islam. Potensi kerjasama masa depan adalah sangat besar.

Mengambil contoh sistem kewangan Pakistan. Menjelang 2027, Pakistan akan beralih sepenuhnya kepada model perbankan patuh syariah, susulan keputusan penting Mahkamah Syariah Persekutuan mereka.

Ini memberikan peluang kepada Malaysia, seba-

gai peneraju global dalam kewangan Islam untuk berkongsi kepakaran dalam produk kewangan Islam seperti sukuk.

Di Bangladesh, lawatan Anwar mempunyai makna khusus kerana beliau menjadi pemimpin asing pertama melawat negara itu di bawah kerajaan interim dipimpin Yunus yang juga penerima Hadiah Nobel.

Ketika pertemuan mereka, Anwar memuji Yunus sebagai 'penjelmaan kepemimpinan tanpa kepentingan diri, didedikasikan untuk memperbaiki kehidupan rakyatnya'.

Dengan persahabatan terjalin selama empat dekad, hubungan antara kedua-dua mereka jelas erat, dengan Anwar mengesahkan walaupun masa depan pentadbiran Bangladesh terletak di tangan rakyatnya, Malaysia bersedia membantu.

Bagi Anwar, lawatan itu adalah isyarat solidariti dengan apa yang dilihatnya sebagai gerakan reformasi mencerminkan perjalanan Malaysia sendiri. Pembabitan Anwar dengan Bangladesh pada saat penting ini mencerminkan keinginannya untuk menyokong usaha negara berkenaan memperkukuh tadbir urus dan memerangi rasuah.

Malaysia, negara Islam pertama mengiktiraf kemerdekaan Bangladesh, sudah lama berkongsi hubungan kuat dengan Dhaka. Lawatan Anwar mengukuhkan ikatan itu menawarkan galakan dan perkongsian ketika Bangladesh menghadapi cabarannya.

Antara detik paling penting dalam lawatan Anwar ketika berucap menerima ijazah kehormatan dikuruniakan Universiti Sains dan Teknologi Nasional Islamabad. Anwar menyingkap falsafah Muhammad Iqbal, penyair ahli falsafah agung Pakistan, menyeru kebangkitan semula dunia Islam.

Menurutnya, umat Islam harus bangkit daripada perpecahan dan menerima visi Iqbal mengenai pembaharuan intelektual serta kemajuan masyarakat. Anwar menegaskan konsep ijtihad diperkenalkan Iqbal mewakili penyimpangan daripada pendekatan fiqh terikat kepada 'hukum, membuka doktrin ini kepada peluang baharu untuk reformasi dan pembaharuan, iaitu islah dan tajdid.

Seruan Anwar untuk ijtihad adalah seruan supaya dunia Islam mencari keseimbangan antara kepercayaan dan kemodenan, tradisi dan kemajuan. Mesej Anwar jelas - 'dunia Islam mesti maju ke hadapan'.

Paling penting, lawatan itu adalah langkah strategik membina hubungan lebih mendalam dan bermakna. Walaupun manfaat sebenar daripada kerjasama ini mungkin tidak kelihatan segera, tiada sebab meragui potensi masa depan boleh menjadi sangat besar.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH